

18/10/1998

Apec bukan forum politik: Mahathir (HL)

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO: Sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan tidak seharusnya dijadikan forum politik oleh pihak tertentu ekoran isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah malang jika Apec dijadikan forum politik kerana jika ia berlaku, akan timbul banyak pertentangan.

"Apec adalah mengenai ekonomi, bukan politik," katanya dalam satu temuramah dengan lapan pertubuhan media Jepun, di sini semalam.

Beliau yang dalam lawatan lima hari ke Jepun ditanya mengenai laporan kemungkinan Presiden Indonesia, B J Habibie dan Presiden Filipina, Joseph Estrada, tidak akan menghadiri sidang kemuncak Apec itu sebagai tanda simpati kepada Anwar.

Dua ketua kerajaan itu sebelum ini dilaporkan tidak berpuas hati dengan layanan pihak berkuasa kepada Anwar sejak penahanannya pada 20 September lalu.

Dr Mahathir berkata, jika Habibie dan Estrada memutus untuk tidak menghadiri sidang kemuncak Apec, mereka akan kerugian kerana forum itu membincangkan beberapa perkara penting mengenai ekonomi, khususnya krisis ekonomi serantau.

Menurutnya, memang menjadi hak seseorang pemimpin negara anggota Apec sama ada untuk menghadiri sidang itu atau sebaliknya.

Bagaimanapun, beliau yakin mereka tidak akan berbuat demikian terutama apabila perkara penting berkisar kepada soal ekonomi dan krisis kewangan perlu ditangani serta dibincangkan.

Secara berjenaka, Perdana Menteri berkata, sebagai seorang yang pernah memulaukan sidang kemuncak Apec di Seattle pada 1993, beliau memahami perasaan Habibie dan Estrada.

"Saya tidak berapa mengenali Presiden Estrada tetapi saya kenal Habibie. Memang benar beliau lebih mengenali Anwar daripada saya, sudah semestinya beliau bersimpati dengan bekas timbalan perdana menteri itu tetapi Apec adalah mengenai perkara ekonomi, bukan politik," katanya.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan maklum balas, Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dan pemimpin Russian, Boris Yeltsin sudah hampir pasti hadir persidangan itu, yang dijadualkan pada 17 dan 18 November ini.

Ditanya sama ada beliau akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Clinton, Perdana Menteri berkata, sebagai tuan rumah sidang kemuncak itu, beliau tidak akan mengadakan perjumpaan berasingan dengan ketua-ketua kerajaan.

"Mesyuarat Apec adalah perjumpaan ketua kerajaan, bukannya pertemuan seorang ketua dengan yang lain," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada akan membawa saranannya supaya sistem kewangan dunia dikawal selia bagi mengekang kegiatan spekulasi dan manipulasi mata wang yang kini terbukti menjejaskan ekonomi dunia ke sidang Apec nanti.

"Ya, saya ingin membawanya, sama ada orang lain mahu mendengar atau tidak, terpulang kepada mereka. Kali terakhir dalam sidang Apec di Vancouver (Kanada), saya menjelaskan sepenuhnya mengenai perdagangan mata wang dan bagaimana ia boleh merosakkan Amerika Syarikat.

"Saya memberitahu Presiden Clinton bahawa Asia sudah hilang kira-kira AS\$500 bilion nilai kuasa membeli dan kita membeli banyak dari Amerika termasuk pesawat Boeing.

"Sekarang kita sudah tidak dapat lagi membelinya kerana kita tidak ada wang. Ini menjejaskan perniagaan mereka dan kita lihat kini Boeing bermasalah dan begitu juga syarikat lain seperti Coca Cola. Jika anda merosak pasaran anda, anda merosak diri sendiri," katanya.

(END)